

Poon harap kerjasama dengan UMS

DE 31.8.2019 2

MENTERI Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Frankie Poon Ming Fung berharap untuk bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk merangka dasar kerajaan lebih baik untuk menangani isu kesihatan dan ekonomi utama di negeri ini.

Beliau berkata kementeriannya akan bekerjasama dengan UMS untuk menangani isu-isu terbabit berdasarkan penyelidikan.

“Pada pihak saya, saya fikir kami akan memberi kerjasama kami. Sebab kita perlumencari jalan, punca isu-isu terbabit dan merangka dasar-dasar kerajaan yang tepat bagi memastikan kami dapat membantu menambah baik keadaan.

“Melalui dasar kerajaan, kita boleh memberi ara-

han sewajarnya kepada semua agensi kerajaan untuk melaksanakan apa yang dicadangkan oleh universiti,” katanya kepada media selepas melakukan penutupan Persidangan Kualiti Hidup Borneo ke-2 yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS, di sini, pada Jumaat.

Sementara itu, Pembantu Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri, Jannie Lasimbang yang hadir sama, senang hati kerana persidangan itu juga memberi perhatian kepada penduduk asal.

“Majoriti penduduk di luar bandar adalah orang asal, yang juga menghadapi isu kesihatan seperti kesihatan mental, talasemia dan sebagainya yang dibincangkan semasa persidangan ini,” katanya. - **Ottey Peter**